Samsuri bin Tumin lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05–89 TAHUN 2010
SULONG MATJERAIE, AZHAR MA'AH DAN AZAHAR MOHAMED HHMR
26 JULI 2011

B

C

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran dadah berbahaya — Kanabis seberat 430.4g — Sama ada pengedaran dibuktikan — Tertuduh cuba melarikan diri — Sama ada tertuduh mempunyai milikan sebenar dan pengetahuan mengenai bungkusan dadah yang terselit di pinggangnya — Sama ada terdapat kehadiran pihak ketiga yang tidak dikenali — Sama ada anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai

D

SP4 bersama-sama pasukan polisnya telah membuat serbuan ke atas sebuah rumah di Ulu Tiram, Johor ('rumah tersebut'). Dalam pemeriksaan di dalam rumah tersebut, SP4 dan pasukannya telah menemui sejumlah kecil dadah. Seorang penghuni rumah tersebut bernama Sulaiman telah ditangkap. Pada ketika itu, SP4 dan pasukannya melihat sebuah motosikal yang ditunggang oleh perayu datang dan berhenti di hadapan rumah tersebut. SP4 dan beberapa anggota pasukannya terus keluar dan SP4 memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis kepada perayu. Perayu telah dengan serta merta melepaskan motosikalnya dan berlari ke arah kebun getah di hadapan rumah tersebut. Perayu telah dikejar dan ditahan selepas sedikit pergelutan. SP4 telah menjumpai satu ketulan mampat berisi daun-daun kering disyaki dadah ganja yang bersalut dengan kertas timah dan loytape terselit di celah pinggang bahagian hadapan seluar perayu. Baju perayu telah dilepaskan keluar untuk menutup ketulan mampat tersebut. SP4 juga telah menjumpai satu ketulan dadah disyaki ganja dibalut dengan kertas timah dari dalam poket seluar perayu. Perayu telah didakwa dengan tuduhan mengedar dadah berbahaya iaitu 430.4g kanabis, satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Perayu dalam pembelaannya telah mengatakan bahawa pada petang hari kejadian, seorang kawannya bernama Jeman telah menumpangi motosikalnya untuk pergi ke rumah Sulaiman. Apabila tiba di hadapan rumah tersebut beliau melihat ada dua hingga tiga orang duduk di hadapan rumah itu dan Jeman terus melompat dari motosikal beliau menyebabkan perayu dan motosikal terjatuh. Dua hingga tiga orang tersebut telah datang, memulas tangannya dan menggarikannya. Perayu menafikan telah terjun dari motosikal bila ditahan oleh polis dan menafikan telah lari serta menafikan polis telah mejumpai dadah pada badannya. Di akhir perbicaraan, perayu telah didapati

E

F

G

H

I

bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati. Perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut. Isu-lsu yang dibangkitkan di dalam rayuan adalah: (i) kegagalan pihak pendakwaan memanggil dan mengemukakan keterangan dari Sulaiman; dan (ii) Hakim bicara telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai bungkusan yang dijumpai terselit di pinggang perayu semasa dia ditangkap.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengesahkan sabitan dan hukuman:

(1) Cadangan pihak pembelaan mengenai kehadiran pihak ketiga membonceng motosikal perayu itu telah disangkal oleh SP4. Di peringkat pembelaan pula keterangan yang sama telah dikemukakan oleh perayu. Dengan ketiadaan sebarang keterangan dari pembelaan untuk menyokong cadangan dan dakwaan tersebut maka tiada sebab bagi hakim bicara menolak keterangan saksi pendakwaan dan menerima versi keterangan perayu. Episod berhubung dengan kehadiran Jeman membonceng motosikal perayu semasa kejadian adalah merupakan sesuatu yang diada-adakan dan direka oleh pembelaan (lihat perenggan 15).

(2) Mengenai kegagalan pendakwaan mengemukakan keterangan dari Sulaiman, jika pun dia dipanggil atau dikemukakan sebagai saksi sama ada bagi pihak pendakwaan mahu pun bagi pihak pembelaan keterangan saksi ini pastinya tidak akan membawa apa-apa kesan kepada kes pendakwaan atau mampu menambahbaik kes pembelaan. Ini adalah kerana mengikut keterangan, pada masa yang material Sulaiman berada di dalam rumah tersebut. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa Sulaiman boleh melihat apa yang berlaku di luar rumah tersebut (lihat perenggan 16).

(3) Tindakan dan reaksi perayu cuba melarikan dirinya sebelum dia berjaya ditangkap merupakan reaksi spontan yang mencerminkan rasa kebersalahannya kerana memiliki barang salah, iaitu, dadah yang terselit di pinggangnya (lihat perenggan 18); *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19 dirujuk.

(4) Perayu telah dibuktikan mempunyai milikan fizikal berserta pengetahuan mengenai barang kes dadah yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan. Ekoran dari itu milikan dan pengetahuan telah dibuktikan oleh pendakwaan terhadap perayu tanpa perlu bergantung kepada anggapan statutori di bawah s 37(d) ADB. Seterusnya, oleh kerana berat dadah berkenaan melebihi had berat minima yang peruntukkan di bawah s 37(da) maka anggapan pengedaran adalah terpakai terhadap perayu. Maka, tiada sebab untuk mengganggu dapatan

fakta dan juga undang-undang yang telah dibuat oleh hakim bicara yang telah membawa kepada sabitan dan hukuman terhadap perayu (lihat perenggan 19–21).

[English summary

SP4 and his team of policemen ambushed a house in Ulu Tiram, Johor ('the said house'). Upon inspection of the said house, SP4 and his team found a small amount of drugs. An occupant by the name of Sulaiman was caught. At the time, SP4 and his team observed a motorcycle, rode by the appellant, approaching and stopping in front of the said house. SP4 and his team went out of the said house and SP4 identified himself as a police officer to the appellant. The appellant immediately released his motorcycle and ran towards a rubber estate in front of the said house. SP4 found a block of compressed dried leaves wrapped in an aluminum foil and loytape, suspected to be cannabis, embedded at the front waist of the appellant's pants. The appellant's shirt was not tucked in to cover the compressed block. SP4 also found a block of drugs, suspected to be cannabis, wrapped in aluminum foil, in the pocket of the appellant's pants. The appellant was charged with trafficking in dangerous drugs, which was 430.4g cannabis, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') punishable under s 39B(2) of the same Act. In his defence, the appellant stated that on the evening the event took place, his friend, Jeman, had rode on his motorcycle to go to one Sulaiman's house. Upon reaching the front side of the house, Jeman jumped off the motorcycle, causing both the appellant and the motorcycle to fall. Two to three people approached, twisted his hands and handcuffed him. The appellant denied jumping off the motorcycle when he was detained by the police and denied running off and also denied that the police found the drugs on his body. At the close of trial, the appellant was found guilty and convicted of the charge and sentenced to death. The appellant appealed against the decision. The issues raised in his appeal were: (i) the prosecution's failure to call and adduce evidence of Sulaiman; and (ii) the trial judge had erred in finding that the appellant had knowledge of the packaging found embedded at his waist during his arrest.

Held, dismissing the appeal and affirming conviction and sentence:

(1) The defence suggestion of the presence of a third party riding pillion was denied by SP4. At the defence stage, the same evidence was given by the appellant. Without any evidence by the defence to support the suggestion and the claim, there was, therefore, no reason for the trial judge to dismiss the prosecution's witness and accept that of the appellant's version. The episode unfolding presence of one Jeman riding pillion during the said event was something created and made up by the defence (see para 15).

(2) On the prosecution's failure to adduce evidence from Sulaiman, even if he was called and brought forth as witness for either, the prosecution or the

defence, his evidence would bring no effect to the prosecution's case or able to develop the defence case. This is as such, as in accordance with the evidence, at the material time, Sulaiman was in the said house. There was no evidence indicating that Sulaiman could have witnessed what had happened outside the said house (see para 16).

(3) The appellant's action and reaction of an attempt to escape before he was arrested was a spontaneous reaction reflecting his guilt for having in possession a wrongful item, that was, drug embedded at his waist (see para 18); *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19 referred.

(4) It had been established that the appellant had physical possession and knowledge of the case item, drugs, that became the essence of the charge. Pursuant to that, the possession and knowledge had been established by the prosecution against the appellant without relying on statutory presumption under s 37(d) of the ADB. Further, since the weight of the drugs exceeded minimum weight prescribed under s 37(da), the presumption of trafficking is applicable to the appellant. Therefore, there was no reason to interfere with finding of facts and rulings made by the trial judge which led to conviction of sentencing against the appellant (see paras 19–21).]

Nota-nota

Untuk kes-kes megenai s 39B(1)(a), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 445–592.

Kes-kes yang dirujuk

Emperor v Kaimuddin Sheikh AIR 1932 Cal 375 (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), 37(da), 39B(1)(a), (2)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–19 Tahun 2008 (Mahkamah Tinggi Johor Bahru)

Zahar bin Ngah (Zahar & Partners) bagi pihak perayu.
Shoba Venu Gobal (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azhar Ma'ah HMR:

[1] Perayu di dalam kes ini telah didakwa dan dibicarakan di Mahkamah Johor Bahru atas pertuduhan berikut:

Bahawa kamu pada 21 Februari 2006, jam lebih kurang 6.00 petang di kawasan hadapan rumah (kawasan kebun getah), Lot 1536A, Jalan Muhibbah Dalam, Ulu Tiram di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 430.4 gram Cannabis, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir perbicaraan perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan sepertimana di atas dan selanjutnya telah dijatuhkan hukuman mati. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu kini merayu.

[3] Fakta kes pendakwaan sepertimana yang dipetik dari rekod rayuan khususnya alasan penghakiman hakim bicara berbunyi seperti berikut:

Bertindak atas maklumat yang diterima pada 21 Februari 2006 jam lebih kurang 6 petang SP4 bersama-sama dengan lapan lagi anggota polis termasuk SP5 telah membuat serbuan ke atas sebuah rumah di alamat Lot 1536A, Jalan Muhibbah Dalam, Ulu Tiram, Johor. Dalam pemeriksaan di dalam rumah tersebut, SP4 dan pasukan serbuan telah menemui sejumlah kecil dadah iaitu enam biji pil Eramin lima dan dua tiup mengandungi dadah disyaki syabu di dalam salah sebuah bilik dalam rumah tersebut. Seorang penghuni rumah tersebut bernama Sulaiman bin Sadik telah ditangkap berkaitan dengan rampasan sejumlah kecil dadah-dadah tersebut.

Semasa SP4 dan anggota pasukan serbuan masih menjalankan pemeriksaan di dalam rumah tersebut, SP4 dan anggota pasukan serbuan melihat sebuah motosikal jenis Yamaha RXZ dengan nombor pendaftaran JBN 2162 yang ditunggang oleh seorang lelaki Melayu datang dan berhenti di hadapan perkarangan rumah tersebut. SP4 dan beberapa anggota pasukan serbuan terus keluar dari rumah dan pergi menghampiri penunggang motosikal tersebut. SP4 memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis dan dengan serta merta lelaki Melayu tersebut melepaskan motosikalnya dan berlari ke arah kebun getah yang berada di hadapan rumah tersebut. Melihat keadaan tersebut SP4 bersama-sama dengan SP5 dan D/Lkpl Syukri telah mengejar lelaki Melayu tersebut dan dalam jarak lebih kurang 50 meter lelaki Melayu itu telah berjaya ditahan selepas berlaku sedikit pergelutan.

Setelah lelaki Melayu itu berjaya ditahan, SP4 telah membuat pemeriksaan ke atas lelaki Melayu itu. SP4 telah menjumpai satu ketulan mampat berisi daun-daun kering disyaki dadah ganja yang bersalut dengan kertas timah dan loytape (P8). Ketulan mampat tersebut telah ditemui terselit di celah pinggang bahagian hadapan seluar yang dipakai oleh lelaki Melayu itu. Baju yang dipakai oleh lelaki itu dilepaskan keluar untuk menutup ketulan mampat tersebut. Pemeriksaan lanjut ke atas lelaki itu, SP4 telah menjumpai satu ketulan dadah disyaki ganja dibalut dengan kertas timah (P9) dari dalam poket seluar bahagian hadapan sebelah kiri yang dipakai oleh lelaki Melayu itu. SP4 juga telah menjumpai kad pengenalan lelaki Melayu itu yang bernama Samsuri bin Tumin yang dicamkan sebagai tertuduh dalam kes ini.

Tertuduh telah ditangkap dan bersama barang kes dadah dibawa balik ke Pejabat Cawangan Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Johor Bahru Selatan.

[4] Hasil analisa bahan berkenaan yang dilakukan oleh Jabatan Kimia menunjukkan bahawa ianya adalah merupakan dadah jenis kanabis yang berjumlah 430g.

[5] Di dalam membuat keputusan bahawa terdapatnya satu kes prima facie terhadap perayu sepertimana pertuduhan hakim bicara telah antara lain menyatakan bahawa:

> Mahkamah menerima keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan mengenai tangkapan dan rampasan dadah yang ditemui dari pinggang dan poket seluar tertuduh. Tindakan tertuduh yang melarikan diri setelah SP4 memperkenalkan dirinya sebagai polis boleh secara munasabahnya dibuat inferen bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap dadah yang terselit dipinggang beliau serta seketul dadah yang ditemui dalam poket seluar yang beliau pakai pada waktu itu
>
> Tertuduh telah dibuktikan mempunyai milikan secara fizikal barang kes dadah yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan.

[6] PEMBELAAN PERAYU

Perayu telah memberi keterangan secara bersumpah. Hakim bicara di dalam alasan penghakimannya telah menurunkan ringkasan pembelaan perayu seperti berikut:

(a) Beliau tinggal bersama keluarga di Taman Muhibbah, Ulu Tiram, dalam jarak lebih kurang 200 meter dari tempat kejadian. Beliau perlu lalu rumah tempat kejadian untuk sampai ke Taman Muhibbah. Beliau bekerja sebagai penarik motor.

(b) Pada petang hari kejadian beliau dalam perjalanan pulang dari tempat kerja dan dalam jarak lebih kurang 100 meter sebelum sampai ke rumah tempat kejadian, seorang kawan beliau bernama Jeman iaitu warganegara Kemboja tahan dan tumpang motosikal beliau untuk pergi ke rumah Sulaiman bin Sadik. Rumah tempat kejadian didiami oleh Sulaiman bin Sadik serta beberapa orang warganegara Kemboja.

(c) Tiba di hadapan rumah tersebut beliau lihat ada dua-tiga orang duduk di hadapan rumah itu dan Jeman terus melompat dari motosikal beliau menyebabkan beliau dan motosikal telah terjatuh. Dua-tiga orang tersebut datang, pulas tangan beliau dan beliau meronta-ronta dan kemudiannya beliau digari.

(d) Beliua dibawa masuk dalam rumah dan melihat Sulaiman bin Sadik berada dalam rumah dengan tangan bergari. Beliau juga lihat ada dua orang perempuan dan seorang anak kecil turut berada dalam rumah itu. Beliau juga Iihat ada banyak barangan akseson kereta di atas meja dalam rumah itu.

(e) Semasa polis memeriksa badan beliau seorang anggota (SP5) masuk membawa satu beg plastik warna merah dan tunjukkan kandungan beg tersebut kepada beliau dan tanya 'ini siapa punya' dan beliau jawab 'tak tahu'. Polis ada tanya siapa yang lari tadi dan beliau jawab kawan beliau yang tadi tumpang motosikal beliau. Polis juga tanya tahukah rumah orang itu dan beliau jawab tahu.

(f) Beliau kemudian dibawa ke balai polis dan ditahan remand. Selepas tiga-empat hari dalam tahanan beliau telah dibawa ke sebuah rumah di Taman Molek di mana satu serbuan telah dibuat ke atas rumah tersebut. Beliau hanya duduk dalam kereta semasa serbuan dibuat. Selepas itu beliau telah dibawa ke satu simpang empat di Kampong Melayu Majidee di mana beliau melihat SP6 berada di dalam sebuah kereta. Setelah pihak polis berbincang sesama mereka beliau kemudian dibawa balik ke balai dan ditahan selanjutnya.

(g) Beliau kenal Jeman yang tinggal satu kampong. Jeman ada pegang satu beg plastik berwarna merah. Jeman terjun dari motosikal beliau bila hampir tiba di rumah tersebut. Jeman melarikan diri dan dikejar oleh SP5. Beliau tidak tahu apa terjadi pada Jeman dan beg plastik warna merah yang dipegang oleh Jeman. Beliau tidak tahu sama ada Jeman berjaya ditangkap.

(h) Beliau menafikan telah terjun dari motosikal bila ditahan oleh polis dan menafikan telah lari serta menafikan polis jumpa dadah pada badan beliau.

(i) Beliau ada beritahu polis barang kes dadah dalam beg plastik merah itu bukan kepunyaan beliau.

[7] Peguam bijaksana bagi pihak perayu di dalam hujahan rayuannya telah mengenengahkan dua isu untuk pertimbangan mahkamah ini.

[8] Isu-isu tersebut adalah:

(a) Kegagalan pihak pendakwaan memanggil dan mengemukakan keterangan dari seorang Sulaiman bin Sadik yang telah ditangkap di dalam rumah berhampiran tempat perayu ditangkap.

(b) Bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai bungkusan yang dijumpai terselit di pinggang perayu semasa dia ditangkap.

[9] Mengenai isu di atas dan berkaitan dengannya penelitian terhadap rekod rayuan menunjukkan bahawa peguam bagi pihak perayu dalam soal balasnya ke atas saksi-saksi pendakwaan telah mengutarakan dan mencadangkan akan keujudan seorang warga Negara Kampuchea yang dikenali perayu bernama Jeman yang dikatakan menumpang membonceng motosikal perayu sambil memegang satu plastik warna merah. Jeman didakwa menumpang motosikal perayu untuk pergi ke rumah Sulaiman bin Sadik. Dicadangkan selanjutnya bahawa setibanya di hadapan rumah Sulaiman bin Sadik mereka telah melihat dua-tiga orang berada di situ. Melihat keadaan ini Jeman telah panik lalu terjun dari motosikal dan melarikan diri. Tindakan Jeman ini telah membuatkan

perayu hilang imbangan ke atas motosikalnya lalu rebah dan jatuh ke tanah. Perayu juga turut jatuh ke tanah. Pada ketika inilah perayu telah ditangkap. Dicadangkan selanjutnya bahawa pemeriksaan ke atas perayu tidak menjumpai apa-apa barang salah.

[10] Kilanan perayu adalah hakim bicara telah tidak menerima versi perayu sepertimana di atas tetapi sebaliknya memilih untuk menerima keterangan dan versi pihak pendakwaan.

[11] Sehubungan dengan ini dihujahkan oleh peguam bijaksana bagi pihak perayu bahawa sekiranya Sulaiman bin Sadik dipanggil memberi keterangan atau ditawarkan kepada pembelaan keterangan saksi ini akan berjaya menyokong dan mengesahkan keterangan pembelaan berhubung dengan episod yang berlaku sejurus sebelum perayu ditangkap di luar rumah berkenaan dan sekali gus mematahkan kes pendakwaan.

[12] Bagi menangani isu di atas, kami telah meneliti bentuk keterangan yang diutarakan oleh pihak pendakwaan, khususnya, keterangan SP4, yang merupakan saksi yang berperanan penting membuat tangkapan ke atas perayu. Pada pengamatan kami sememangnya isu mengenai terdapatnya seorang yang dikatakan membonceng motosikal perayu telah ditimbulkan dan diajukan kepada SP4 semasa saksi ini disoal balas di peringkat kes pendakwaan. Namun proposisi dan cadangan ini telah dijawab dan disangkal oleh SP4. Di peringkat ini di mana SP4 telah didapati tegas dengan penafiannya tentang keujudan orang lain bersama perayu menaiki motosikal tersebut, kami berpendapat tidak terdapat sebarang sebab bagi hakim bicara untuk tidak menerima dan mempercayai penafian SP4 tersebut.

[13] Di dalam kes *Emperor v Kaimuddin Sheikh* AIR 1932 Cal 375, dinyatakan:

> Mere suggestions by a pleader or advocate for the accused do not amount to evidence of the fact suggested, unless they are either partly or wholly accepted by the witness for the prosecution.

[14] Prinsip di atas telah juga dipakai di dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1, dalam mana telah diputuskan antara lain:

> A suggestion in cross-examination can only be indicative of the case put forward or the stand taken by the party on whose behalf the cross-examination is being conducted, but to no extent whatsoever can it be a substitute for evidence if it is clearly repudiated by the witness to whom it is made.

[15] Prinsip di atas boleh dijadikan iktibar dan panduan di dalam menilai dan menimbang keadaan sepertimana yang terdapat di dalam kes semasa. Di dalam kes semasa seperti yang telah dinyatakan di atas sebentar tadi, keterangan yang ada menunjukkan bahawa cadangan pihak pembelaan mengenai kehadiran pihak ketiga membonceng motosikal perayu itu telah disangkal oleh SP4. Di peringkat pembelaan pula keterangan yang sama telah dikemukakan oleh perayu. Dengan ketiadaan sebarang keterangan dari pembelaan untuk menyokong cadangan dan dakwaan tersebut maka kami tidak mendapati apa-apa sebab bagi hakim bicara dan kami sendiri menolak keterangan saksi pendakwaan dan menerima versi keterangan perayu. Dengan ketiadaan sebarang keterangan yang menyokong maka bolehlah dikatakan dan dirumuskan episod berhubung dengan kehadiran Jeman membonceng motosikal perayu semasa kejadian adalah merupakan sesuatu yang diada-adakan dan direka oleh pembelaan.

[16] Mengenai kegagalan pendakwaan mengemukakan keterangan daripada Sulaiman bin Sadik kami berpandangan bahawa jika pun dia dipanggil atau dikemukakan sebagai saksi sama ada bagi pihak pendakwaan mahu pun bagi pihak pembelaan keterangan saksi ini pastinya tidak akan membawa apa-apa kesan kepada kes pendakwaan atau mampu menambahbaik kes pembelaan. Kami katakan demikian oleh kerana mengikut keterangan, pada masa yang material Sulaiman bin Sadik berada di dalam rumah. Tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa Sulaiman bin Sadik ini berada di dalam rumah tersebut dalam keadaan beliau mampu dan boleh melihat apa yang berlaku di luar rumah. Oleh yang demikian, kami tidak dapat menerima andaian yang dibuat bagi pihak perayu bahawa sekiranya Sulaiman bin Sadik dipanggil memberi keterangan dia akan dapat 'mengesahkan pembelaan perayu dan mematahkan sama sekali kes pendakwaan'.

[17] Beralih kepada isu kedua berhubung pengetahuan mengenai bungkusan yang terselit di pinggang perayu, kami tidak dapat memahami apakah maksud sebenar hujahan peguam perayu apabila beliau menghujahkan bahawa 'tiada apa-apa demonstrasi dilakukan oleh pihak pendakwaan bagaimana seseorang boleh berlari laju sedangkan ada bungkusan diselitkan di pinggang mengikut kes ini'.

[18] Walau apa-apa pun yang tersirat di dalam fikiran peguam bijaksana berhubung dengan hujahannya di atas, berpandukan keterangan yang ada, kami berpendapat bahawa tindakan dan reaksi perayu cuba melarikan dirinya sebelum dia berjaya ditangkap merupakan reaksi spontan yang mencerminkan rasa kebersalahannya kerana memiliki barang salah, iaitu, dadah yang terselit di pinggangnya. Tindakan dan reaksi sedemikian adalah selaras dengan prinsip yang diturunkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717.

[19] Ekoran dari penemuan barang kes yang terselit di pinggang perayu, hakim bicara di dalam alasan penghakimannya telah membuat penemuan fakta bahawa perayu telah dibuktikan mempunyai milikan fizikal berserta pengetahuan mengenai barang kes dadah yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan. Ekoran dari itu milikan dan pengetahuan telah dibuktikan oleh pendakwaan terhadap perayu tanpa perlu bergantung kepada anggapan statutori di bawah s 37(d) ADB 1952.

[20] Seterusnya, oleh kerana berat dadah berkenaan melebihi had berat minima yang peruntukkan di bawah s 37(da) maka anggapan pengedaran adalah terpakai terhadap perayu.

[21] Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas, adalah pendapat kami bahawa tidak terdapat sebarang sebab yang mewajarkan kami mengganggu dapatan fakta dan juga undang-undang yang telah dibuat oleh hakim bicara yang telah membawa kepada sabitan dan hukuman terhadap perayu. Justeru kami menolak rayuan perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman berkenaan.

Rayuan ditolak dan sabitan dan hukuman disahkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum